



KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Makluman Operasi Jual/Beli Getah Dan Premis Pelesen Getah

1. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menerima banyak aduan yang menyatakan terdapat premis pembeli getah (*rubber dealer*) tidak beroperasi ketika ini walaupun arahan telah diberi untuk semua premis ini dibuka pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebagai langkah keselamatan, arahan untuk beroperasi pada ketika ini masih tertakluk kepada langkah-langkah keselamatan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu pemakaian peralatan keselamatan diri seperti topeng muka, sarung tangan dan juga penggunaan *sanitizer*.
2. Pihak Kementerian ingin mengingatkan semua Pelesen Getah untuk beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP untuk memastikan industri getah negara terus beroperasi, untuk kebaikan semua peringkat dari pekebun kecil, pemproses getah, pengilang produk getah sehingga peringkat pengguna. Ini juga sejajar dengan arahan Menteri Pertahanan

(Menteri Kanan) pada 23 Mac 2020 dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat harian Majlis Keselamatan Negara.

3. Kegagalan beroperasi akan menyebabkan tindakan terpaksa diambil atas premis yang tutup, termasuk penarikan semula lesen oleh Lembaga Getah Malaysia.
4. Arahan ini akan berkuatkuasa sepanjang tempoh PKP sehingga 14 April 2020, ataupun sehingga makluman baharu oleh pihak Kementerian.

25 Mac 2020
Lembaga Getah Malaysia